

**Kerajaan negeri tidak terlibat
Utusan Online
October 20, 2011
Oleh ABDUL YAZID ALIAS**

SHAH ALAM 19 Okt - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menjelaskan kerajaan negeri tidak terlibat dalam penganjuran Himpunan Sejuta Umat (Himpun), Selamatkan Akidah Umat di Stadium Shah Alam, Sabtu ini.

Bagaimanapun, kerajaan negeri katanya, tidak melarang mana-mana pegawai kerajaan termasuk Exco kerajaan negeri menyertai perhimpunan tersebut selagi tidak mencampuri urusan dan masa bekerja.

"Perhimpunan itu dibuat oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kerajaan negeri tidak campur hal ini. Kalau ada ahli NGO yang terdiri daripada pegawai kerajaan (termasuk Exco), terpulang kepada mereka untuk sertai perhimpunan itu.

"Kalau tidak ganggu masa kerja, mereka (pegawai kerajaan dan Exco) boleh lakukan (sertai Himpun)," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Beliau mengulas Himpun di Stadium Shah Alam, Sabtu ini yang dijangka dihadiri 100,000 umat Islam.

Dalam perkembangan lain, Abdul Khalid menafikan kenyataan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui yang mengatakan Selangor akan mengalami krisis bekalan air pada 2014 sekiranya kerajaan negeri masih berdegil tidak membenarkan projek Loji Rawatan Air Sungai Langat 2 (Langat 2) dijalankan di negeri itu.

Menyifatkan kenyataan Fah Kui itu tidak benar, beliau menegaskan, kerajaan negeri ketika ini sedang melakukan persediaan untuk memastikan keadaan sedemikian tidak berlaku dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan tahap bekalan air terawat di Selangor tanpa melaksanakan projek Langat 2.

Bagaimanapun katanya, persediaan menambahkan bekalan air terawat masih belum dilaksanakan lagi buat masa ini kerana kerajaan negeri masih dalam usaha mengadakan kajian mengenai perkara itu dengan melantik dua syarikat perunding Tetuan Atkins dan Tetuan Halcrow untuk meneliti perkara tersebut.

"Dua syarikat perunding itu akan menjalankan kajian dari segi akaun dan operasi Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) membabitkan penggunaan aset negeri iaitu loji rawatan untuk menyalurkan bekalan air di negeri ini.

"Apa yang kita tumpukan ialah loji pembersihan air akan dipulihkan semula supaya lebih banyak bekalan air terawat untuk kegunaan di negeri ini tanpa perlunya Langat 2," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1020&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm